



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) MALAYSIA

“PELANCARAN APLIKASI JPJvBID : PLATFORM LELONGAN AWAM KENDERAAN SITA SECARA DALAM TALIAN”

KOTA BHARU, KELANTAN – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan melancarkan **aplikasi JPJvBID**, sebuah platform digital bagi **pengurusan lelongan awam kenderaan sita** dan **dilucuthak secara dalam talian**. Inisiatif ini merupakan langkah strategik jabatan dalam memperkukuh ketelusan, kecekapan serta integriti pengurusan pelupusan kenderaan.

Sebagai langkah permulaan, **Projek Rintis (*Pilot Test*)** akan dilaksanakan di **JPJ Negeri Selangor** sebelum diperluaskan secara berfasa ke seluruh negara. Pelaksanaan awal ini melibatkan **30 buah kenderaan** terdiri daripada **motosikal, kereta dan kenderaan scrap untuk dilelong**.

Selaras dengan pelaksanaan secara digital dan dalam talian ini, pemeriksaan fizikal kenderaan bagi tujuan bidaan **tidak lagi dibenarkan**. Pembida hendaklah **merujuk sepenuhnya kepada imej kenderaan yang dipaparkan dalam aplikasi**. Bagi membantu orang awam membuat penilaian dan keputusan yang lebih tepat, JPJ turut menyediakan **Laporan Penarafan Kenderaan** sebagai rujukan tambahan.

Aplikasi JPJvBID boleh dimuat turun mulai **10 Mac 2026** melalui platform **Play Store (Android), Apple App Store (iOS)** dan **Huawei AppGallery**. Akses ke aplikasi ini boleh dibuat menggunakan **ID MyJPJ sedia ada** atau melalui **pendaftaran baharu di portal rasmi JPJ**.

Orang awam yang berminat boleh mula membeli e-katalog bagi tujuan penyertaan bidaan mulai **18 Mac 2026** pada harga **RM50.00** bagi setiap siri pelelongan. Bidaan pertama melalui aplikasi JPJvBID akan berlangsung dari **1 April hingga 5 April 2026**. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	TARIKH	BILANGAN HARI
1.	Pelancaran Aplikasi JPJvBID	8/3/2026	-
2.	Muat Turun Aplikasi	10/3/2026	-
3.	Iklan & Pembelian E-Katalog	18/3/2026 – 31/3/2026	14 Hari
4.	Tempoh Bidaan	1/4/2026 – 5/4/2026	5 Hari
5.	Pemakluman Pembida Berjaya	6/4/2026	1 Hari
6.	Proses Tukar Hak Milik Kepada Pembida Berjaya	7/4/2026 – 20/4/2026	14 Hari
7.	Penyerahan Kenderaan Kepada Pembida Berjaya	21/4/2026	1 Hari

JPJ menyeru orang awam yang berminat agar mengambil peluang ini dengan **mematuhi segala syarat dan garis panduan** yang telah ditetapkan bagi memastikan proses lelongan berjalan lancar, adil dan teratur.

JPJ yakin pelaksanaan **JPJvBID** akan **memperkukuh integriti pengurusan kenderaan sitaan** di samping meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Inisiatif ini membuktikan kesungguhan jabatan dalam mendukung agenda pendigitalan Kerajaan serta memastikan setiap proses dilaksanakan secara **profesional, adil dan bebas daripada sebarang unsur ketirisan**.

JPJ akan terus menambah baik sistem ini dari semasa ke semasa bagi memastikan **kepentingan awam sentiasa terpelihara** dan **keyakinan rakyat** terhadap jabatan **terus diperkukuh**.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

8 MAC 2026

[TAMAT]